



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK )** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ( CIDB )** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor ( PKK )** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut:-

<b>No. Sebut harga</b>	<b>Perihal Kerja</b>	<b>Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual</b>	<b>Syarat Pendaftaran</b>
MBJB/SH/ 83/2023	Menyelenggara kolam tadahan Bakar Batu bersebelahan MBBJ, MB Johor Bahru (Peruntukan Persekutuan)  Tarikh Iklan : 17.8.2023 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 24.8.2023 ( Khamis ) Tempat : Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai, Jabatan Kejuruteraan, Aras 12, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.  Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 3.9.2023 ( Ahad ) S/harga : ( Tepat 12.00 tengahari ) No.Fail : MBBJ/U/2023/09/PRO/D/16 <b>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</b>	RM 50.00  24.8.2023 hingga 29.8.2023  ( Rujuk Perenggan 4 )	CIDB Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 DAN CE34  <b>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</b>

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBBJ melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA** dibenarkan hadir ke taklimat di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-

**2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

**2.2 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor ( PPK ) oleh CIDB**

**2.3 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ( SPKK ) oleh CIDB & Taraf Bumiputera ( STB ) oleh PKK**

3. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBBJ** bagi penjualan tersebut.
4. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
5. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.

.....  
( **HAJI MISWAN BIN YUNUS** )

Setiausaha,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.